

**NAMA SEKOLAH
ALAMAT SEKOLAH**

**UJIAN DIAGNOSTIK 2
TINGKATAN 5
TAHUN 2021
PRINSIP PERAKAUNAN**

3756/1

**Kertas 1
NOVEMBER 2021
1 1/4 jam**

Satu jam lima belas minit

**UJIAN DIAGNOSTIK 2
SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan ,iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi **19** halaman bercetak

1 Pernyataan di bawah berkaitan subbidang perakaunan.

Menyediakan maklumat perakaunan kepada pemilik perniagaan, pihak pengurusan dan pekerja.

Apakah subbidang tersebut?

- A** Percukaian
- B** Pengauditan
- C** Perakaunan Kewangan
- D** Perakaunan Pengurusan

2 Siapakah yang menjadi pengguna luaran Penyata Kewangan?

- A** Pihak bank
- B** Akaun Belum Terima
- C** Pihak pengurusan
- D** Kesatuan pekerja

3 Entiti perniagaan manakah yang menanggung liabiliti tidak terhad?

- I** Perkongsian
- II** Milikan tunggal
- III** Syarikat berhad
- IV** Koperasi

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 4 Berikut ialah petikan Akaun Perdagangan Kedai Buku Izzul Hazmi.


Kedai Buku Izzul Hazmi
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Mei 2021

| | | | |
|----------------|--------|--------|--------|
| Inventori awal | 4 000 | Jualan | 18 000 |
| Belian | 10 000 | | |
| | 14 000 | | |
| Tolak : X | 3 000 | | |
| Kos jualan | 11 000 | | |

Apakah X?

- A** Duti atas belian
- B** Inventori akhir
- C** Pulangan masuk
- D** Angkutan keluar

- 5 Rajah menunjukkan pengelasan hasil bagi Kedai Perabot Hanis



Apakah butiran bagi Q?

- A** Sewa belum terima
- B** Komisen diterima
- C** Dividen pelaburan
- D** Rugi pelupusan aset

- 6** Urus niaga berikut telah berlaku dalam perniagaan Kedai Buah-buahan Tengku

| |
|---|
| Menjelaskan invois sebanyak RM1 200 dengan cek. |
| Diskaun diterima sebanyak RM80. |

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

| | Bank | Akaun Belum Bayar | Modal |
|----------|---------|-------------------|-------|
| A | 1 200 | 1 280 | (80) |
| B | (1 200) | (1 280) | 80 |
| C | (1 280) | (1 200) | (80) |
| D | 1 280 | 1 200 | 80 |

- 7** Dokumen 1 diterima oleh Kedai Fotostat Mesra.

| | |
|--|---------------------------|
| MAKLUMAN DEBIT | |
| Bank CMB 345 Jalan Perdana 75490 Melaka | Tarikh: 20 Jun 2021 |
| Kepada Kedai Fotostat Mesra 56 Jalan Damai 75400 Melaka | No Akaun : 1541 3300 8808 |
| Akaun tuan telah didebitkan seperti berikut: | |
| Ringgit Malaysia : Tiga ratus empat puluh sahaja | |
| Perkara : Insurans | |
| RM 340.00 | <u>Mawar</u> Pengurus |

Dokumen 1

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

- A** Kredit ruangan bank RM340
- B** Kredit ruangan tunai RM340
- C** Debit ruangan bank RM340
- D** Debit ruangan tunai RM340

8 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Bunga Medina.

| Tarikh | Butir | Jumlah |
|---------|--------------------------|--------|
| 2021 | | RM |
| Ogos 14 | Kedai Borong Bunga Gadek | 1 450 |
| 25 | Pembekal Bunga Ros Laila | 2 300 |
| 31 | Akaun Belian | 3 750 |

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Belian

A Akaun Belian

| | | | |
|---------|-------------------|-------|--|
| 2021 | | RM | |
| Ogos 31 | Akaun Belum Bayar | 3 750 | |
| | | | |

B

Akaun Belian

| | | | |
|---------|--------------------------|-------|--|
| 2021 | | RM | |
| Ogos 14 | Kedai Borong Bunga Gadek | 1 450 | |
| 25 | Pembekal Bunga Ros Laila | 2 300 | |

C

Akaun Belian

| | | | |
|---------|----------------------------|-------|--|
| 2021 | | RM | |
| Ogos 31 | Pelbagai Akaun Belum Bayar | 3 750 | |
| | | | |

D

Akaun Belian

| | | | |
|---------|--------|-------|--|
| 2021 | | RM | |
| Ogos 31 | Belian | 3 750 | |
| | | | |

- 9** Antara yang berikut yang manakah digunakan untuk mengira kos jualan?
- I** Jualan, pulangan belian, inventori
II Belian, inventori awal, angkutan keluar
III Belian, inventori awal, angkutan masuk
IV Inventori akhir, pulangan belian, insurans atas belian
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 10** Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diambil daripada Kedai Runcit Ansar Mart.

| |
|--|
| Menerima pinjaman bank sebanyak RM45 000 |
|--|

- Catatan manakah yang digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?
- | | Debit | Kredit |
|----------|----------|----------|
| A | Tunai | Pinjaman |
| B | Pinjaman | Tunai |
| C | Bank | Pinjaman |
| D | Pinjaman | Bank |
- 11** Kedai Runcit Jimat membeli perabot secara tunai daripada Kedai Perabot Jaminbaik untuk kegunaan perniagaan.
- Catatan manakah yang betul?
- A** Debit Akaun Belian
Kredit Akaun Tunai
- B** Debit Akaun Perabot
Kredit Akaun Tunai
- C** Debit Akaun Belian
Kredit Akaun Perabot Jaminbaik
- D** Debit Akaun Perabot
Kredit Akaun Perabot Jaminbaik

- 12** Antara pernyataan berikut, yang manakah mengenai Imbangan Duga?
- A Imbangan Duga adalah satu akaun.
 - B Imbangan Duga disediakan mengikut sistem catatan bergu.
 - C Imbangan Duga dapat memudahkan penyediaan Buku Catatan Pertama.
 - D Imbangan Duga ialah senarai baki debit dan kredit yang diambil daripada lejar.

- 13** Berikut adalah inventori akhir Kedai Kasut Munira

| Senarai Inventori | Harga Kos | Harga Pasaran |
|-------------------|-----------|---------------|
| Kasut Bata | 2 460 | 2 220 |
| Kasut Warrior | 3 170 | 3 450 |

Apakah catatan penutupan inventori akhir?

| | Butir | Debit(RM) | Kredit(RM) |
|---|-------------------|-----------|------------|
| A | Akaun Inventori | 5 390 | |
| | Akaun Perdagangan | | 5 390 |
| B | Akaun Perdagangan | 5 390 | |
| | Akaun Inventori | | 5 390 |
| C | Akaun Inventori | 5 670 | |
| | Akaun Perdagangan | | 5 670 |
| D | Akaun Perdagangan | 5 670 | |
| | Akaun Inventori | | 5 670 |

- 14** Butiran manakah yang dicatat di dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Inventori awal
 - B Kadar bayaran
 - C Hutang Lapuk Terpulih
 - D Susut Nilai Terkumpul

15 Mengapa Akaun Aset, Akaun Liabiliti dan Akaun Modal tidak perlu ditutup pada akhir tempoh perakaunan?

- A Akaun Aset, Akaun Liabiliti dan Akaun Modal tidak mempunyai baki.
- B Baki akhir Akaun Aset, Akaun Liabiliti dan Akaun Modal perlu dibawa ke tempoh perakaunan akan datang.
- C Baki Akaun Aset, Akaun Liabiliti dan Akaun Modal tidak boleh digunakan untuk tempoh yang akan datang.
- D Akaun Aset, Akaun Liabiliti dan Akaun Modal akan dihapuskan dan akan direkod ke dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi.

16 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Pakaian Anis Maisarah pada 31 Mac 2021.

| Butir | Debit (RM) | Kredit (RM) |
|-----------------------|------------|-------------|
| Akaun Belum Terima | 30 500 | |
| Hutang lapuk | 500 | |
| Hutang lapuk terpulih | | 900 |

Maklumat tambahan:

(i) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.

Hitung Peruntukan Hutang Ragu pada 31 Mac 2021?

- A RM1 570
- B RM1 545
- C RM1 525
- D RM1 500

17. Berikut merupakan petikan Imbangan Duga yang diambil daripada Perniagaan Freezy

Perniagaan Freezy

Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 (petikan)

| | Debit | Kredit |
|------------------------|--------|--------|
| | RM | RM |
| Akaun Belum Terima | 40 000 | |
| Hutang lapuk | 1 500 | |
| Hutang lapuk terpulih | | 200 |
| Peruntukan hutang ragu | | 1 200 |

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
Catatan manakah yang tepat?

A. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020.

| <u>Aset Semasa</u> | |
|----------------------------|--------------|
| Akaun Belum Terima | 38 500 |
| (-) Peruntukan hutang ragu | 1 200 |
| | <hr/> 37 300 |

B. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020.

| <u>Aset Semasa</u> | |
|----------------------------|--------------|
| Akaun Belum Terima | 38 700 |
| (-) Peruntukan hutang ragu | 774 |
| | <hr/> 37 926 |

C. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020.

| <u>Aset Semasa</u> | |
|----------------------------|--------------|
| Akaun Belum Terima | 38 500 |
| (-) Peruntukan hutang ragu | 770 |
| | <hr/> 37 730 |

D. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020.

| <u>Aset Semasa</u> | |
|----------------------------|--------------|
| Akaun Belum Terima | 40 000 |
| (-) Peruntukan hutang ragu | 800 |
| | <hr/> 39 200 |

18. Apakah faktor-faktor pemilihan kaedah susut nilai?

- I Faktor keusangan
- II Perubahan teknologi
- III Corak penggunaan aset
- IV Jangka masa penggunaan aset

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

19. Maklumat berikut diperoleh dari Buku Perniagaan Easy Venture pada 30 Jun 2021.

| | |
|-----------------------------|----------|
| Mesin (Kos untuk 2 buah) | RM50 000 |
| Susut nilai terkumpul mesin | RM10 000 |

Maklumat tambahan:

- i. Sebuah mesin telah dijual pada 31 Disember 2020.
- ii. Kadar susut nilai mesin ialah 10% setahun mengikut kaedah ansuran tetap.
- iii. Tempoh perakaunan berakhir 30 Jun setiap tahun.

Berapakah harga jualan mesin tersebut, jika untung pelupusan ialah RM2 000?

- A** RM 20 750
- B** RM 19 500
- C** RM 18 750
- D** RM 17 500

20. Kesilapan berikut dijumpai selepas penyediaan Imbangan Duga Majnun Enterprise.

Pulangan jualan telah dikreditkan dalam akaun pulangan belian dan didebitkan dalam Akaun Belum Terima.

Apakah kesan terhadap untung kasar dan modal kerja selepas kesilapan di atas dibetulkan?

| | Untung Kasar | Modal Kerja |
|----------|---------------------|--------------------|
| A | Bertambah | Bertambah |
| B | Berkurang | Berkurang |
| C | Berkurang | Bertambah |
| D | Bertambah | Berkurang |

21. Strategi manakah untuk sesebuah syarikat meningkatkan nisbah keberuntungan?

- I** Menjual aset bukan semasa
 - II** Meningkatkan harga jualan
 - III** Mengurangkan kos belian dan belanja operasi
 - IV** Meningkatkan kadar pusing ganti inventori
-
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

22. Maklumat berikut diambil dari buku-buku Butik Cendana.

| | RM |
|------------------------|--------|
| Akaun Belum Terima | 5 000 |
| Jualan Tunai | 20 700 |
| Hutang lapuk | 200 |
| Peruntukan hutang ragu | 400 |

Berapakah jumlah jualan Butik Cendana jika tempoh kutipan hutang ialah 40 hari?

- A** RM60 850
- B** RM62 675
- C** RM64 500
- D** RM66 325

23 Apakah implikasi rekod tak lengkap terhadap maklumat perakaunan sesebuah perniagaan?

- A** Imbangan Duga mudah disediakan.
- B** Untung atau rugi mudah ditentukan.
- C** Penyata Kedudukan Kewangan sukar disediakan.
- D** Perbandingan prestasi perniagaan dapat dilakukan.

- 24** Bagaimanakah untung bersih dikira jika sesebuah perniagaan itu mengamalkan rekod tak lengkap?
- A** Modal Awal + Untung bersih + Modal Tambahan - Ambilan
B Modal Awal + Ambilan – Modal Akhir + Modal Tambahan
C Modal Akhir + Ambilan + Modal Awal + Modal Tambahan
D Modal Akhir + Ambilan – Modal Awal – Modal Tambahan
- 25** Encik Yusof, pemilik Kedai Serbaneka Boom tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2020.

| | RM |
|---|-------|
| Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2020 | 4 774 |
| Hutang lapuk | 535 |
| Diskaun diterima | 264 |
| Pulangan masuk | 602 |
| Penerimaan daripada Akaun Belum Terima | 8 250 |
| Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2020 | 3 610 |

Berapakah jualan kredit?

- A** RM7 153
B RM7 621
C RM8 223
D RM8 487
- 26** Maklumat berikut berkaitan aspek kawalan dalaman pengendalian tunai.

| Kawalan Dalaman | Aspek |
|------------------------|---|
| X | Individu yang berlainan akan meluluskan dan membuat pembayaran. |

Apakah X?

- A** Kawalan fizikal
B Pusingan tugas
C Pendokumentasian
D Pengasingan tugas

27 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Haiqal Power Enterprise.

| | RM |
|-----------------------------|-----------|
| Baki Buku Tunai (overdraft) | 436 |
| Cek belum dikemukakan | 3 296 |
| Deposit belum dikreditkan | 2 188 |

Berapakah baki akhir Penyata Bank?

- A** RM1 544 [436 + 3296 - 2188]
- B** RM672 [- 436 + 3296 - 2188]
- C** (RM1 544) [- 436 - 3296 + 2188]
- D** (RM672) [436 - 3296 + 2188]

28 Maklumat berikut diambil daripada belanjawan tunai Nazrin Enterprise

Nazrin Enterprise
Belanjawan Tunai bagi bulan berakhir 31 Disember 2021

| | November | Disember |
|----------------------|-----------------|-----------------|
| Baki awal | 54 500 | Z |
| Jumlah Penerimaan | 23 450 | 25 500 |
| Jumlah Pembayaran | 35 434 | 22 200 |
| Lebihan / (Kurangan) | X | 2300 |
| Baki akhir | Y | |

Berapakah nilai **Z**?

- A** RM42 516
- B** RM45 816
- C** RM56 800
- D** RM66 484

29 Urus niaga manakah merupakan catatan kontra dalam Buku Tunai?

- A Mengeluarkan tunai untuk kegunaan peribadi.
- B Memindahkan tunai perniagaan ke dalam bank.
- C Mengeluarkan tunai untuk menyelesaikan hutang.
- D Memindahkan tunai peribadi ke dalam akaun bank perniagaan.

30 Berikut ialah Akaun Semasa bagi perkongsian Umira pada 31 Oktober 2021.

Akaun Semasa

| | Umi | Amira | | Umi | Amira |
|---------------------|------------|--------------|-------------------------|------------|--------------|
| | RM | RM | | RM | RM |
| Baki b/b | 40 800 | | Baki b/b | 12 000 | |
| Ambilan | 4 000 | 8 000 | Faedah atas modal | 14 000 | 6 000 |
| Faedah atas ambilan | 300 | 275 | Gaji | 1 600 | 400 |
| Baki h/b | | 24 783 | Pengasingan Untung Rugi | 21 987 | 14 658 |
| | 45 100 | 33 058 | Baki h/b | 7 513 | |
| Baki b/b | 7 513 | | Baki b/b | 45 100 | 33 058 |
| | | | | | 24 783 |

Tunjukkan catatan Akaun Semasa di Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2021.

| A | EKUITI PEMILIK | RM |
|----------|-----------------------|-----------|
| | Akaun Semasa Umi | 40 800 |
| | Akaun Semasa Amira | 12 000 |

| B | EKUITI PEMILIK | RM |
|----------|-----------------------|-----------|
| | Akaun Semasa Umi | (40 800) |
| | Akaun Semasa Amira | 12 000 |

| C | EKUITI PEMILIK | RM |
|----------|-----------------------|-----------|
| | Akaun Semasa Umi | 7 513 |
| | Akaun Semasa Amira | 24 783 |

| D | EKUITI PEMILIK | RM |
|----------|-----------------------|-----------|
| | Akaun Semasa Umi | (7 513) |
| | Akaun Semasa Amira | 24 783 |

- 31** Petikan Akaun Realisasi berikut diperoleh semasa pembubaran Perkongsian Niza dan Zana.

Akaun Realisasi

| | 2021 | RM |
|--------|--------------------|-----|
| Feb 28 | Akaun Belum Bayar | |
| | (diskaun diterima) | 402 |

Apakah yang dimaksudkan dengan catatan pada 28 Februari?.

- A** Baki Akaun Belum Bayar yang belum dijelaskan semasa pembubaran.
- B** Menerima diskauan daripada Akaun Belum Bayar kerana menjelaskan hutang semasa pembubaran.
- C** Jumlah bayaran kepada Akaun Belum Bayar semasa pembubaran selepas menolak diskauan niaga.
- D** Jumlah bayaran yang akan dibuat kepada Akaun Belum Bayar semasa pembubaran sebelum menolak diskauan diterima.
- 32** Akaun manakah yang tidak akan dipindahkan ke Akaun Realisasi?
- A** Akaun Inventori
- B** Akaun Bank
- C** Akaun Premis
- D** Akaun Belum Terima

- 33 Maklumat berikut berkaitan Syarikat Cakna Berhad pada 15 Mei 2021.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh.

35 000 unit 8% syer keutamaan pada harga RM2 sesyer.

60 000 unit syer biasa pada harga RM1 sesyer.

Tunjukkan catatan Jurnal Am untuk merekod urus niaga terbitan syer biasa.

A

Jurnal Am

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|--------|-----------------------|--------|--------|
| 2021 | | RM | RM |
| Mei 15 | Bank | 60 000 | |
| | Permohonan Syer Biasa | | 60 000 |

B

Jurnal Am

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|--------|------------------|--------|--------|
| 2021 | | RM | RM |
| Mei 15 | Bank | 60 000 | |
| | Modal Syer Biasa | | 60 000 |

C

Jurnal Am

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|--------|-----------------------|--------|--------|
| 2021 | | RM | RM |
| Mei 15 | Permohonan Syer Biasa | 60 000 | |
| | Modal Syer Biasa | | 60 000 |

D

Jurnal Am

| Tarikh | Butir | Debit | Kredit |
|--------|-----------------------|--------|--------|
| 2021 | | RM | RM |
| Mei 15 | Permohonan Syer Biasa | 70 000 | |
| | Modal Syer Biasa | | 70 000 |

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Kemuncak Teknik Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh.

800 000 unit syer biasa pada harga RM1 sesyer.

20 000 unit 6% syer keutamaan pada harga RM2 sesyer.

Lembaga Pengarah telah memutuskan pembayaran dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan dan 3 sen sesyer kepada pemegang syer biasa.

Hitung dividen akhir syer biasa.

- A RM24 000
- B RM240 000
- C RM242 000
- D RM800 000

- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Memasak Lazat pada 31 Disember 2020.

Kutipan yuran ahli:

- (i) Jumlah yuran diterima dalam tahun kewangan adalah RM8 000.
- (ii) Yuran tersebut termasuk yuran belum terima bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berjumlah RM500 dan yuran ahli yang diterima bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 berjumlah RM200.

Maklumat tambahan:

- (a) Yuran belum terima pada 31 Disember 2020 berjumlah RM100.
- (b) Yuran belum terperoleh pada 1 Januari 2020 adalah RM300.

Hitung yuran tahunan Kelab Memasak Lazat.

- A RM7 500
- B RM7 700
- C RM8 300
- D RM8 500

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Memanah Adiwira.

| | RM |
|------------------------|-------|
| Yuran | 5 900 |
| Jualan set memanah | 3 500 |
| Utiliti | 2 600 |
| Belanja penyelenggaran | 4 800 |
| Gaji | 6 200 |

Hitung lebihan atau kurangan Kelab Memanah Adiwira.

- A Lebihan RM4 200
B Lebihan RM7 700
C Kurangan RM4 200
D Kurangan RM7 700
- 37 Manakah di antara berikut, merupakan item yang **tidak** diambil kira dalam pengiraan Dana Terkumpul Kelab Badminton Segak pada 31 Disember 2020?
A Untung dagangan minuman.
B Baki Dana Terkumpul pada 1 Januari 2020.
C Derma peralatan untuk pertandingan badminton.
D Derma wang tunai untuk pendawaian dan lampu dewan.
- 38 Manakah item yang diambil kira dalam pengiraan kos pengeluaran?
A Insurans pejabat
B Angkutan keluar
C Komisen jurujual
D Gaji pengurus kilang

- 39** Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Textil Halim.

| | RM |
|--------------------------|--------|
| Kerja dalam proses awal | 5 900 |
| Kos bahan langsung | 44 100 |
| Kos buruh langsung | 23 100 |
| Belanja lansung | 12 300 |
| Kos prima | 79 500 |
| Kos overhed | 45 400 |
| Kerja dalam proses akhir | 9 800 |

Hitung kos pengeluaran Kilang Textil Halim.

- A** RM30 200
B RM109 700
C RM121 000
D RM200 500
- 40** Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Sos Sedap.

| | RM |
|---------------------|--------|
| Sewa kilang | 20 000 |
| Insurans kilang | 40 000 |
| Kos berubah seunit | 100 |
| Harga jualan seunit | 300 |

Hitung jumlah sos sedap yang perlu dikeluarkan sekiranya kilang mensasarkan keuntungan sebanyak RM30 000.

- A** 450
B 225
C 150
D 75